



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

PELANCARAN WELLNESS HUB SANDAKAN, SABAH

YB Datuk Seri Dr. Dzulkefly Ahmad, Menteri Kesihatan telah melancarkan fasiliti Wellness Hub Sandakan, Sabah hari ini. Usaha ini mencerminkan komitmen berterusan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam memastikan pembangunan kesihatan yang lebih seimbang antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Labuan selaras dengan hala tuju KKM untuk memperkukuh pendekatan “*health care*” yang menekankan pencegahan, promosi kesihatan dan kesejahteraan komuniti.

Wellness Hub Sandakan menawarkan penyampaian pakej perkhidmatan kesejahteraan kesihatan yang lebih dekat, inklusif dan berfokus kepada keperluan rakyat di Sabah. Fasiliti ini bertindak sebagai pusat (atau hub) komuniti untuk mempromosikan budaya hidup sihat- tempat di mana rakyat menerima bimbingan, kemahiran, sokongan dan intervensi ke arah pembudayaan hidup yang lebih sihat. Sehingga Mei 2026, Negeri Sabah mempunyai lima (5) Wellness Hub iaitu Wellness Hub Putatan, Wellness Hub Keningau, Wellness Hub Kudat, Wellness Hub Lahad Datu dan Wellness Hub Sandakan.

Melalui pelancaran Wellness Hub Sandakan ini juga menyediakan barisan sukarelawan MyCHAMPION dalam promosi pembudayaan hidup sihat dalam kalangan komuniti setempat. Sehingga April 2026, seramai 2,425 sukarelawan MyCHAMPION di Sabah termasuk di fasiliti Wellness Hub telah melaksanakan sebanyak 3,088 aktiviti pendidikan kesihatan seperti saringan kesihatan komuniti,

aktiviti jangkauan luar, pendidikan kesihatan serta program kebersihan persekitaran. Di Sandakan, penglibatan komuniti ini selari dengan identiti bandar sebagai Bandaraya Alam Semulajadi melalui inisiatif seperti penanaman pokok, program “1 Rumah 1 Pokok” dan gotong-royong berkala yang turut menyokong pembudayaan nilai MADANI.

Majlis hari ini turut menyaksikan pra-pelancaran **Kiosk Kesihatan Sihat Xpress**, satu inisiatif kerjasama awam-swasta yang menyediakan perkhidmatan telekesihatan di kawasan pedalaman Sabah dan Sarawak melalui teknologi satelit. Kiosk ini menawarkan saringan kesihatan sendiri seperti BMI, tekanan darah, paras oksigen (SpO₂), glukosa dan suhu badan, serta telekonsultasi dengan pengamal perubatan am swasta. Inisiatif ini berpotensi meningkatkan akses penjagaan kesihatan, mengurangkan kesesakan fasiliti kesihatan dan memperluas saringan penyakit tidak berjangkit.

KKM turut merakamkan penghargaan kepada semua pihak termasuk sektor swasta, NGO dan pemimpin komuniti atas sokongan berterusan dalam memperkukuh kesejahteraan kesihatan rakyat. KKM berharap kemudahan ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti setempat untuk terus mengamalkan gaya hidup sihat.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
2 MEI 2026

